



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 MEI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TANAM PADI GUNA SISTEM AIR BAWAH TANAH AKAN DILAKSANA	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	ATASI KESAN KEMARAU, ASTRO AWANI -ONLINE	
3.	DEMONSTRASI TUAIAN PADI, SH -ONLINE	
4.	UNTUNG KECIL PUNCA BERAS SST TAK DIJUAL DI KEDAI RUNCIT,	
5.	HM -ONLINE	
6.	SKIM TAKAFUL KURANGKAN BEBAN PETANI, SH -ONLINE	
7.	KELANTAN HILANG 40,000 TAN HASIL PADI AKIBAT KEMARAU,	AGROBANK
8.	DALAM NEGERI, UM -33	
9.	HASIL PADI KELANTAN TERJEJAS AKIBAT KEMARAU PANJANG, NEGARA,	LAIN-LAIN
10.	KOSMO -16	
11.	AGROBANK PERUNTUK RM221K BIASISWA, BISNES, HM-21	
12.	PENDUDUK TANAM PADI HUMA DI PERKARANGAN RUMAH,	
13.	DALAM NEGERI, UM -34	
14.	PATIN MATI AIR PANAS, LOKAL, HM -19	
15.	KEMARAU MELAMPAU JEJAS HASIL PATIN SANGKAR, NASIONAL, BH -19	
16.	PENGUSAHA HARUMANIS KEDAH JANGKA RAIH RM80,000, NEGARA,	
17.	KOSMO -18	
18.	HARUMANIS JANA PENDAPATAN BERGANDA, DALAM NEGERI, UM -31	
19.	REZEKI BERGANDA TANAM HARUMANIS, KUBANG PASU, SH -25	
20.	MEMANCING BANTU KOS SARA HISUP RAKYAT, K2, KOSMO -22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Tanam padi guna sistem air bawah tanah akan dilaksana atasi kesan kemarau



Kerajaan akan melaksanakan kaedah tanaman padi menggunakan sistem air bawah tanah sebagai persediaan menghadapi cuaca panas yang dijangka lebih buruk tahun hadapan. - Gambar hiasan/BERNAMA

PASIR PUTEH: Kerajaan akan melaksanakan kaedah tanaman padi menggunakan sistem air bawah tanah sebagai persediaan menghadapi cuaca panas yang dijangka lebih buruk tahun

hadapan.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood berkata sistem berkenaan didapati lebih efektif kerana ia boleh dikawal dan mengelakkan kebergantungan kepada air hujan.

Beliau berkata projek perintis kaedah ini sudah dilaksanakan di kawasan jelapang Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar, Sawarak dan jika ia berkesan kita akan perluaskan ke seluruh negara," katanya.

"Berdasarkan cuaca semasa, penanaman padi tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada air hujan dan saluran semata-mata," katanya kepada pemberita pada Majlis Dialog dan Perasmian Penuaian Padi Sempena Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) IADA Kemasin, Semerak, di sini pada Selasa.

Azman berkata sumber air mungkin menjadi semakin terhad pada masa akan datang selain bersaing dengan penggunaan domestik, sedangkan tanaman padi memerlukan air yang mencukupi untuk peningkatan hasil tuaian.

Sementara itu, penggunaan benih padi yang lebih tahan terhadap cuaca dan penyakit akan digunakan bagi mengatasi perubahan cuaca semasa.

"Kami bercadang memperkenalkan 12 varieti benih padi untuk tujuan itu yang kita dapati boleh dituai dalam tempoh 80 hari seperti mana yang digunakan di negara Thailand, Indonesia dan Vietnam berbanding tanaman dalam tempoh 110 hari yang diamalkan di Malaysia ketika ini.

"Kita jangka benih ini akan digunakan petani awal 2026 kerana sekarang masih dalam plot kajian untuk melihat kesesuaian benih berkenaan dengan cuaca di Malaysia," katanya.

Menurutnya, penggunaan benih padi berkenaan yang dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh yang lebih singkat akan membolehkan semua jelapang padi mengamalkan penanaman padi dua kali setahun sekali gus meningkatkan keluaran hasil padi negara.

"Setakat ini, hanya 60 peratus kawasan padi ditanam secara dua kali setahun di negara ini manakala 40 peratus lagi ditanam sekali setahun," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Demonstrasi Tuaian Padi



Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Azman Mahmood membuat demonstrasi tuaian padi pada Perasmian Penuaian Tanaman Padi Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di Kampung Gong Chengal, Pasir Puteh, hari ini.

Projek di bawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin

Semerak itu membabitkan keluasan sebanyak 162.7 hektar yang diusahakan 129 peserta sebagai alternatif peningkatan hasil padi yang lebih tinggi dan berkualiti. - Foto Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Untung kecil punca beras SST tak dijual di kedai runcit



Azman Mahmood (tengah) ketika bertemu mata dengan para petani sempena Majlis Dialog dan Perasmian Penuaian Tanaman Padi Projek Smart Sawah Berskala Besar (SBB) KPA Gong Chengal, Gong Geduk dan Gong Pasir di sawah padi Kampung Pasir, Gaal, Pasir Puteh. FOTO Nor Amalina Alias

Pasir Puteh: Beras super special tempatan (SST) hanya boleh dibeli di pasar raya besar

edaran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Itu penjelasan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood ketika diminta mengulas 'kehilangan' beras SST di pasaran sejak awal tahun ini.

Azman berkata, pihaknya masih memenuhi pasaran bagi beras putih tempatan yang dijual pada harga RM25 bagi 10 kilogram.

"Kebanyakan rakyat pergi tengok di kedai runcit sedangkan kebanyakan kedai tidak terima beras tempatan. Ini kerana keuntungan mereka (menjual beras SST) hanyalah sekitar 50 sen. Jadi mereka tidak akan ambil (SST).

"Kita letak beras SST ini di pasar raya terpilih, diedar LPP dan FAMA. Ini tiga pendekatan kita buat bagi memenuhi permintaan pasaran," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog dan Perasmian Penuaian Tanaman Padi Projek Smart Sawah Berskala Besar (SBB), KPA Gong Chengal, Gong Geduk dan Gong Pasir di Gaal, di sini, tadi.

Azman yang juga Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, faktor ketiadaan beras putih tempatan turut berpunca tindakan peniaga yang membelinya dalam kuantiti besar.

"Masalah ini bersifat sementara, kita cuba cadangkan struktur baru dalam industri padi dan beras supaya ia dikaji semula di semua peringkat termasuk harga kepada petani, harga kilang dan harga pengguna.

"Kalau anda tengok, air mineral pun sudah (dijual) seringgit lebih, ini RM26 untuk 10 kilogram beras, maknanya kita kena kaji balik, kita kena jaga kebajikan petani. Kaji semula kaedah pengapungan harga beras ini dan cadangan kita adalah dengan beri subsidi bersasar kepada golongan B40," katanya.

Azman berkata, pihaknya turut membentangkan harga lantai padi dinaikkan antara RM1,600 hingga RM1,800 ketika mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Secara prinsipnya, PM sudah bersetuju, namun masih memerlukan sesi libat umum petani, pemain industri dan kementerian-kementerian terbabit," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Skim takaful kurangkan beban petani



Azman (tengah) bertemu petani pada Majlis Dialog dan Perasmian Penuaian Tanaman Padi sempena Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) IADA Kemasin, Semerak pada Selasa.

PASIR PUTEH - Skim Takaful Tanaman Padi yang dijangka diperkenalkan tahun ini kepada pesawah padi di seluruh negara mengurangkan beban kerugian yang

ditanggung akibat bencana alam.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Azman Mahmood berkata, skim yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Agro Bank itu juga antara usaha membantu petani yang terkesan selepas tanaman padi mereka terjejas.

"Kemarau di beberapa negeri mengakibatkan ramai petani berdepan kerosakan tanaman akibat cuaca panas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Dialog dan Perasmian Penuaian Tanaman Padi sempena Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) IADA Kemasin, Semerak pada Selasa.

Azman memberitahu, sebelum ini melalui Tabung Bencana Tanaman Padi, petani menerima pampasan sebanyak RM846 bagi tiga hektar pertama untuk padi yang berumur bawah 71 hari manakala RM1,800 bagi tanaman yang melebihi tempoh itu.

Bagaimanapun katanya, pampasan itu merupakan penyelesaian jangka pendek.

"Justeru, untuk jangka panjang Skim Takaful Tanaman Padi akan diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dalam masa terdekat," katanya.

Azman menjelaskan, skim berkenaan memberi peluang kepada petani untuk mendapat pampasan tidak melebihi 20 hari.

Dalam pada itu beliau turut memaklumkan kerajaan juga bakal menetapkan harga belian padi kepada RM1,600 bagi setiap satu tan metrik berkuat kuasa tahun ini susulan kos penanaman padi yang meningkat.

Tambah beliau juga, kos berkenaan lebih tinggi berbanding harga semasa sebelum ini iaitu RM1,400.

8/5/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Kelantan hilang 40,000 tan hasil padi akibat kemarau

Oleh TOREK SULONG

utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Kemarau panjang dan cuaca panas melampau yang melanda negeri ketika ini menyaksikan Kelantan kehilangan hasil padi sebanyak 40,000 tan metrik sekali gus menjejaskan pendapatan petani serta pengeluaran beras negara.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood berkata, secara lazimnya hasil tuaian mencecah 90,000 metrik tan berbanding musim ini hanya 50,000 metrik tan.

Menurutnya, susulan itu para petani memerlukan jadual penanaman baharu berasaskan iklim semasa termasuk mengkaji keperluan dan urus tadbir dalam berdepan perubahan cuaca.

"Kelantan adalah penyumbang kedua pengeluaran beras negara selepas Kedah yang juga menguasai 80,000 hektar tanaman padi di bawah Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) selain penanaman di luar jelang.

"Oleh itu, langkah-langkah perlu akan diambil bagi memastikan kebajikan petani terbela dan pengeluaran hasil padi distabilkan semula," katanya kepada pemberita semasa sidang media selepas merasmikan Majlis Penilaian Padi Smart SBB di Bendang Gong Chengal, di sini semalam.



AZMAN Mahmood (kanan) mengendalik jentera tuai menyempurnakan gimik perasmian tuai padi bendang Gong Chengal, Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

Azman memberitahu, di bawah tabung bencana padi, petani akan menerima bantuan kerajaan sebanyak RM846 bagi keluasan tiga hektar pertama sekiranya padi berusia 71 hari musnah disebabkan kemarau.

Katanya, kerosakan tanaman yang melebihi 71 hari ke atas akan disalurkan bantuan sebanyak RM1,800 bagi tiga hektar pertama dibawah tabung yang sama.

"Pada masa akan datang

Kerajaan akan memperkenalkan skim takaful tanaman padi yang akan diruskan oleh AgroBank dengan kos pampasan yang lebih tinggi dan pantas bagi meringankan beban kerugian petani," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Azman, kerajaan turut berunding memperkenalkan 12 varieti padi jangka pendek yang boleh dituai selepas 80 hari penanaman.

Katanya, kesemua padi itu

tahan serangan perosak dan kemarau sebagaimana yang diusahakan oleh petani di Thailand dan Vietnam.

"Sistem takungan air banjir dan saluran air paip ke sawah juga akan diperluaskan bagi mengurangkan ketergantungan kepada taburan hujan serta sumber air dan terusan sebagaimana yang telah dilaksanakan di kawasan Pembangunan Pertanian (IADA) Batang Lupar, Serawak," katanya.

8/5/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

Penduduk tanam padi huma di pekarangan rumah

Oleh **Zaid Mohd. Noor**
zaid.noor@mediamall.com.my

MARANG: Seramai 20 ahli Koperasi Kariah Masjid Kampung Tebakang, Marang Berhad (Komit) di sini, mengusahakan tanaman padi huma di pekarangan rumah mereka di kampung tersebut untuk keperluan sara diri sejak November tahun lalu.

Setiasaha Komit, Muhammad Khaidhir Hussin berkata, projek perintis tanaman padi huma tersebut diusahakan empat ahli koperasi itu yang ditanam di atas tanah, pasu dan bekas plastik.

Menurutnya, padi yang diusahakan empat penduduk itu menunjukkan kejayaan apabila mengeluarkan buah dan boleh dituai dalam tempoh tiga hingga lima bulan, sebelum projek tersebut dikembalikan kepada seramai 16 ahli lain.

Katanya, antara varieti padi yang ditanam *lata black* basmati, tangkai langsung serta jarum galah dan pada peringkat awal, bekalan benih disediakan oleh Komit.

"Buat permulaan, padi tersebut ditanam untuk mendapatkan bekalan benih bagi tujuan meluaskan lagi tanaman selepas ini, sebelum dapat menampung keperluan sumber makanan riji penduduk kampung," katanya ketika ditemui di Kampung Tebakang di sini, semalam.

Muhammad Khaidhir memberitahu, tanaman padi huma lebih mudah diuruskan kerana tidak memerlukan bekalan air yang banyak dan lasak daripada serangan penyakit dan serangga.



ZAIMAH Abdulllah menunjukkan pokok padi huma yang ditanam di pekarangan rumahnya di Kampung Tebakang, Marang, semalam. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

padi daripada Komit.

Menurutnya, dia teruja dapat menanam pokok padi varieti basmati dan tangkai langsung walaupun hanya melibatkan kawasan seluas kira-kira satu meter lebar dan tiga meter panjang.

"Dalam tempoh kira-kira lima bulan, saya boleh menuai padi tersebut dan buah padi itu saya simpan untuk dijadikan benih," ujarnya.

40,000 tan metrik pengeluaran padi negara hilang

Hasil padi Kelantan terjejas akibat kemarau panjang

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Kemarau panjang dan cuaca panas yang melanda ketika ini menyebabkan Kelantan kehilangan hasil padi sebanyak 40,000 tan metrik, sekali gus menjelaskan pendapatan petani serta pengeluaran beras negara.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood berkata, hasil tuaiannya kebiasaannya mencecah 90,000 metrik tan berbanding musim ini hanya 50,000 metrik tan.

Menurutnya, keadaan itu mengakibatkan para petani memerlukan jadual penanaman baharu berasaskan iklim semasa termasuk mengkaji keperluan dan urus tadbir dalam berdepan perubahan cuaca.

"Kelantan merupakan penyumbang kedua pengeluaran beras negara selepas Kedah yang juga mengusahakan 80,000 hektar tanaman padi di bawah Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) selain penanam di luar jelapang.

"Sehubungan itu, pelbagai langkah akan diambil bagi memastikan kebajikan petani terbelia dan pengeluaran hasil padi dapat distabilkan semula," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penualian Padi Smart SBB di Bendang Gong Chengal, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azman berkata, pesawah akan meneri-



AZMAN (tanam) mengendalkan jentera manual padi semasa menyempurnakan Majlis Penualian Padi Smart SBB di Bendang Gong Chengal, Pasir Puteh semalam. - TOREK SULONG

ma bantuan kerajaan sebanyak RM946 bagi keluasan tiga hektar pertama sekiranya padi berusia 71 hari musnah disebabkan kemarau menerusi Tabung Bencana Padi.

Menurutnya, petani yang mengalami kerosakan tanaman melebihi 71 hari ke atas akan menerima bantuan sebanyak RM1,800 bagi tiga hektar pertama di bawah tabung yang sama.

"Kerajaan akan memperkenal skim takaful tanaman padi yang akan diruskan oleh AgroBank dengan kos pampasan yang lebih tinggi dan pantas bagi meringankan beban kerugian pesawah pada masa akan datang.

"Skim ini bakal diumumkan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tempoh yang terdekat," ujarnya. Dalam perkembangan sama,

Azman berkata, kerajaan turut bercadang berkenalkan 12 varieti padi jangka pendek yang boleh dituai selepas 80 hari penanaman.

Katanya, kesemua padi itu telah serangan perosak dan kemarau seperti yang diusahakan oleh petani di Thailand dan Vietnam.

"Jika kita dapat varieti ini banyak masalah akan selesai," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2024	HARIAN METRO	BISNES	21



TENGGU Ahmad Badli Shah (empat dari kiri) bersama penerima biasiswa.

REZEKI 5 PELAJAR CEMERLANG *Agrobank peruntuk RM221K biasiswa*

Kuala Lumpur: Agrobank menganugerahkan biasiswa sebanyak RM221,000 kepada lima pelajar cemerlang yang sedang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tempatan.

Biasiswa Agrobank yang diperkenalkan sejak tahun 2013 memberi manfaat dari segi bantuan kewangan kepada pelajar yang memenuhi syarat kelayakan dan mempunyai rekod akademik yang cemerlang.

Setakat 2023, Agrobank sudah menaja 44 orang pelajar terpilih di seluruh negara.

Penerima biasiswa Agrobank terdiri daripada pelajar yang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan Sains Komputer, Sistem Maklumat, Perakaunan, Sains Statistik dan Ekonomi di universiti tempatan antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti

Malaya (UM).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, penerima biasiswa berkenaan adalah generasi harapan bangsa.

“Mereka adalah pelaburan terpenting untuk memimpin negara demi menjayakan agenda pembangunan dan kemajuan di masa hadapan.

“Biasiswa yang ditawarkan adalah sebahagian usaha Agrobank dalam menjalankan tanggungjawab sosial korporat bagi memastikan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

“Tajaan biasiswa ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyertai pelbagai program dan aktiviti yang dirangka bagi menggalakkan mereka membina rangkaian profesional bersama pihak Agrobank serta menyokong aspirasi kerjaya mereka,” katanya dalam kenyataan.



BAHASIRZAL memantau anak ikan yang mati akibat cuaca panas melampau. - Gambar NSTP ROSLIAN AB MALEK

Oleh Roselan Ab Malek
am@hmetro.com.my

Jerantut

Fenomena El Nino yang melanda sejak lebih sebulan lalu menyebabkan berpuluh ribu ekor anak ikan patin ditemak di dalam sangkar mati mengejut.

Akibatnya ramai pengusaha ternakan ikan patin di daerah ini mengalami kerugian besar susulan cuaca panas melampau.

Keadaan ini turut mengakibatkan paras air di Sungai Pahang surut malah ada setengah lokasi menjadi kering kontang.

Seorang pengusaha ternakan ikan patin sangkar

di Kampung Lada di sini, Bahasirzal Abu Bakar, 44, berkata, lebih 2,000 ekor anak ikan patin berusia dua bulan yang ditemaknyanya mati.

"Saya mempunyai 51 sangkar, ikan tetapi hanya mengisi sembilan sangkar sahaja digunakan untuk menternak ikan patin.

"Setiap sangkar diisi kira-kira 1,000 hingga ke 1,500 anak ikan patin. Namun tidak semua anak ikan patin ini dapat bertahan dengan

cuaa panas ini.

"Biasanya ikan patin ini perlu ditemak selama lebih 4 bulan sebelum dapat dipasarkan, katanya.

Dia berkata, selain cuaca panas, ramai penternak ikan sangkar turut berdepan masalah kenaikan harga makanan ikan yang mencecah RM85, seguni.

Menurutnya, harga makanan ikan yang mahal menyebabkan pengusaha ikan sangkar mengalami kerugian besar apabila ikan di-

ternak mati dalam jumlah besar.

Seorang penternak ikan sangkar di Kampung Rumpun Makmur, Nizam Mohd Tapar, 40, akui cuaca panas menyebabkan hasil ternakan semakin merosot.

Katanya, banyak anak ikan patin ditemak mati dipercayai akibat kekurangan oksigen selain air yang menjadi panas akibat kemarau melampau.

Dia menjangkakan bekalan ikan patin ke pasaran

Patin mati air panas

Pengusaha ternakan ikan rugi besar akibat fenomena El Nino

akan terjejas dalam beberapa bulan akan datang susulan kejadian yang berlaku ini.

"Cuaca panas ketika turut menyebabkan pembebasan ikan patin ditemak

"Ikan patin berusia enam bulan sepatutnya mampun mencapai berat 1.2 kilogram.

Namun cuaca panas menyebabkan beratnya hanya sekitar 800 gram sahaja, katanya.

Kemarau melampau jejas hasil patin sangkar

Ribuan anak ikan mati akibat Sungai Pahang susut, kontang di beberapa tempat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Roselan Ab Malek
binews@bh.com.my

Jerantut: Cuaca panas melampau sejak lebih sebulan lalu menyebabkan berpuluh ribu anak ikan patin yang diternak dalam sangkar, mati menggejut dengan ramai pengusaha di daerah ini mendakwa mengalami kerugian besar.

Tambahan pula, keadaan cuaca itu turut menyebabkan paras air di Sungai Pahang surut, malah dilaporkan kering-kontang di sesetengah tempat.

Penternak ikan patin dalam sangkar di Kampung Lada, Baharizal Abu Bakar, 44, mendakwa berusia dua bulan yang dier-naknya mati.

"Saya ada 51 sangkar, tetapi hanya mengisi sembilan daripa-

danya untuk menternak patin. "Setiap sangkar diisi kira-kira 1,000 hingga 1,500 anak ikan, namun tidak semua dapat bertahan dengan cuaca panas ini.

"Biasanya, patin perlu dier-nak lebih empat bulan sebelum dapat dipasarkan," katanya.

Penternak patin sangkar turut mendakwa berdepan kenaikan harga makanan ikan yang mencecah RM83 segumil, sekali gus menambah kerugian ditanggung mereka apabila banyak ternakan itu mati.

Penternak di Kampung Rumpun Makmur, Nizam Mohd Ta-par, 40, mengaku cuaca panas ketika ini menyebabkan hasil ternakan merosot.

Beliau berkata, banyak anak patin mati diperceyhal lekuran oksigen, selain air sungai menjadi panas disebabkan kemarau melampau.

Justeru, katanya, pembekalan ikan patin ke pasaran dijangka terjejas beberapa bulan mendatang susulan cuaca panas melampau yang menyebabkan pembesaran ternakan itu terhambat.

"Ikan patin berusia enam bulan sepatutnya mampu mencapai berat 1.2 kilogram, namun cuaca panas menyebabkan beratnya kini sekitar 800 gram," katanya.

Sementara itu di Kelantan, ke-



Baharizal mengambil bangkai anak ikan patin dalam sangkar ternakan yang mati akibat cuaca panas melampau di Kampung Lada, Jerantut. (Foto Roselan Ab Malek/BH)



Sadi Hussin (kanan) bersama Mohd Irwan melihat air telaga kering susulan musim kemarau. (Foto Nik Abdulllah Nik Omar/BH)

san fenomena El Nino menyak-sikan Pasir Mas merekodkan cuaca panas tahap dua yang merujuk gelombang haba lima hari berturut-turut sejak 2 Mei dengan suhu harian mencecah 37 hingga 40 darjah Celsius, malah kawasan itu tidak menerima hujan sejak tiga bulan lalu.

3 bulan tak hujan

Penduduk Kampung Tersang di Pasir Mas, Sadi Hussin, 52, menyifatkan musim kemarau kali ini sebagai paling panjang dan teruk berbanding sebelum ini.

"Sudah tiga bulan tiada hujan dan air telaga sedalam lebih 10 meter pun kering sehingga kami terpaksa mandi di sungai.

"Semalam (kelmarin), kami mengali untuk mendalamkan lagi telaga, tetapi air pula berbau. Bayangkan sudah lebih dua bulan kami terpaksa mandi sungai disebabkan air dibeekalkan Air Kelantan Sdn Bhd (AK-SB) juga tiada.

"Saya tidak tahu bagaimana keadaan selepas ini jika kemarau berpanjangan," katanya.

Seorang lagi penduduk Mohd Irwan Faizal, 40, berkata cuaca panas melampau ketika turut menyebabkan beliau sukar tidur pada waktu malam.

"Setiap malam saya terpaksa basahkan tuala untuk letak pada badan. Panasnya kali ini sehingga kulit pun terasa pedih.

"Saya dan lima anak juga terpaksa mandi di sungai kerana tiada bekalan air. Sungai pun semakin cekik berikutan sudah terlalu lama kemarau," katanya.

Pengusaha harumanis Kedah jangka raih RM80,000

JITRA - Seorang pengusaha harumanis di Kampung Pida 7 di Kodiang dekat sini menjangkakan pendapatannya mampu mencecah sehingga RM80,000 tahun ini memandangkan tanaman seluas satu hektar yang diusahakan itu sangat 'menjadi'.

Ahmad Mat Hassan, 67, berkata, dia kebiasaannya mampu meraih pendapatan sehingga RM20,000 semusim setelah mengusahakan tanaman itu sejak sembilan tahun lalu.

"Sebagai pesawah, saya cuma dapat RM2,000 sahaja setiap musim, tetapi pendapatan bertambah sejak menceburi penanaman harumanis.

"Saya jangka 94 pokok harumanis yang saya tanam akan mengeluarkan sehingga 15,000 biji pada musim ini," katanya di ladang harumanis miliknya di Kampung Pida 7 semalam.

Ahmad merupakan antara 128 pengusaha harumanis Kedah yang dijenamakan sebagai Harumanis D'Aman sejak tahun lepas dengan keluasan ladang di seluruh negeri sehingga 110 hektar terutama di Kubang Pasu.

Ahmad memberitahu, permintaan buah tersebut meningkat memandangkan pengeluaran harumanis di Perlis terjejas ekoran faktor cuaca melampau



YUSOF (kiri) dan Ahmad (dua dari kanan) di ladang Harumanis D'Aman di Kampung Pida 7, Kodiang dekat Jitra semalam.

sejak kebelakangan ini.

"Permintaan terlampau banyak sampai buah tidak cukup, harumanis yang saya tanam adalah daripada Gred A+ kerana buahnya besar sehingga 350 gram sebiji," ujarnya.

Seorang lagi pengusaha harumanis, Datuk Yusof Ismail berkata, pihaknya yakin Kedah mampu bersaing dengan Perlis termasuk mengeksport buah

itu ke negara jiran dalam tempoh beberapa tahun lagi.

"Harumanis D'Aman ini baik kualitinya sebab tanaman ini di Kedah mempunyai kadar penyiramannya air yang cukup kerana ada sawah berbanding Perlis.

"Harumanis Kedah semakin mendapat permintaan sehingga tidak cukup, jadi pasaran untuk dalam negara sahaja setakat ini," ujarnya.

8/5/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Buah 'menjadi', pengusaha di Kedah bakal raih RM80,000 setahun

Harumanis jana pendapatan berganda

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
utusannews@medimulia.com.my

JERLUN: Seorang pesawah di Kampung Pida 7, Kodiang di sini mampu meraih pendapatan sehingga RM20,000 semusim dengan mengusahakan tanaman harumanis sejak sembilan tahun lalu.

Namun, Ahmad Mat Hassan, 67, berkata, pendapatannya dijangka mencecah sehingga RM80,000 tahun ini memandangkan tanaman harumanis seluas satu hektar yang diusahakan itu 'menjadi'.

"Sebagai pesawah, saya cuma raih RM2,000 semusim tetapi pendapatan bertambah sejak ceburi tanaman harumanis. Tahun ini saya jangkakan ladang saya mampu mengeluarkan buah sehingga

empat tan metrik berbanding dua hingga tiga tan metrik sebelum ini.

"Sudah empat kali saya tuai hasil dan meraih pendapatan lumayan. Saya jangkakan 94 pokok harumanis yang ditanam mengeluarkan sehingga 15,000 biji bagi musim ini," katanya ketika ditemui di ladang harumanis miliknya di sini.

Ahmad adalah salah seorang daripada 128 pengusaha harumanis Kedah yang dijenamakan sebagai Harumanis D'Aman sejak tahun lepas.

Dia juga tidak menafikan permintaan ke atas buah tersebut meningkat memandangkan pengeluaran harumanis di Perlis terjejas ekoran faktor cuaca melampau sejak kebelakangan ini.

"Permintaan terlampau banyak sampai buah tidak cukup. Harumanis yang saya tanam adalah grad A+ kerana buahnya besar sehingga 350 gram sebiji. Saya menyeru pesawah agar menceburi penanaman harumanis ini yang menjanjikan pendapatan lumayan.

"Harumanis D'Aman ini kalau kita tengok sama sahaja malah ada yang lebih baik daripada harumanis Perlis. Cuma orang Kedah baru berjinak-jinak dalam bidang ini sedangkan di Perlis sudah lama," katanya.

Seorang lagi pengusaha harumanis, Datuk Yusof Ismail berkata, pihaknya yakin Kedah mampu bersaing dengan Perlis termasuk mengeksport buah tersebut ke negara jiran dalam tempoh beberapa tahun lagi.



AHMAD Mat Hassan menunjukkan harumanis di ladang miliknya di Kampung Pida 7, Kodiang di Jerlun, Kedah.

Rezeki berganda tanam harumanis

Petani di Kedah disaran rebut peluang usahakan tanaman itu berikutan permintaan tinggi

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR
KUBANG PASU

Golongan petani di Kedah disaran untuk menanam tanaman mangga harumanis sebagai pendapatan sampingan berikutan permintaan tinggi terhadap buah tersebut.

Pengerusi Persatuan Harumanis Kedah, Othman Ismail berkata, kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati kualiti dan kewangian harumanis Kedah hampir sama dengan Perlis.

Menurutnya, para petani di negeri ini seharusnya tidak melepaskan peluang itu selepas mangga harumanis yang dilabelkan sebagai Harumanis D'Aman kini semakin dikenali dan mendapat permintaan ramai dari seluruh negara.

"Cuaca di Kedah pun, perbezaan suhu dengan Perlis hanya satu darjah Celsius sahaja tetapi ia melepasi tahap yang diperlukan."

"Rugi sekiranya petani di Kedah tidak menanam harumanis kerana pulangnya berganda daripada tanaman padi," katanya kepada pemberita semasa ditemui di ladang harumanis di Kampung Pida 7, dekat sini pada Selasa.

Othman berkata, terdapat pengusaha yang aktif mengusahakan tanaman tersebut dan berjaya mendapat pulangan lumayan selepas beberapa tahun me-



Othman (kanan) dan Mohd Yusof (kiri) melihat hasil tanaman harumanis yang diusahakan Ahmad Mat Hassan di Kampung Pida 7, Kubang Pasu pada Selasa.



Ahmad menunjukkan mangga harumanis yang ditanamnya.

lepas beberapa tahun diusahakan walaupun berdepan pelbagai cabaran.

"Pada tahun ini saya anggarkan lebih empat tan metrik hasil buah diperoleh berbanding dua dan tiga tan metrik pada tahun-tahun sebelum ini," ujarnya yang menanam 94 pokok harumanis sejak 2015.

Bagi seorang lagi pengusaha, Datuk Mohd Yusof Ismail berkata, para petani boleh mengusahakan tanaman harumanis di kawasan tanah lapang milik mereka dan permulaan dengan 30 pokok pun sudah mampu beri pulangan yang lumayan.

Beliau yang mempunyai kira-kira 5,000 pokok di sekitar Padang Sera, Alor Setar, Kuala Nerang dan Pokok Sena berkata, pulangan yang diperoleh daripada tanaman itu cukup baik dan boleh dianggap sebagai memuaskan.

"Kualiti Harumanis D'Aman ini memang jauh lebih baik berbanding negeri jiran kita. Kita juga mahu pastikan buah yang dihasilkan di Kedah ini bakal menjadi buah terbaik di pasaran."

"Sekiranya lebih ramai rakyat Kedah yang mengusahakan harumanis ini, mungkin dalam tempoh dua, tiga tahun nanti kita mampu untuk menampung permintaan domestik dan antarabangsa," katanya.

Tambah Othman, setakat ini lebih 110 hektar tanaman mangga harumanis diusahakan oleh 128 ahli Persatuan Harumanis Kedah di seluruh Kedah dan dijangka jumlah ahli dan keluasan tanaman bakal bertambah selepas ramai yang menunjukkan minat untuk menyertainya.

Sementara itu, seorang pengusaha harumanis, Ahmad Mat Hassan, mengakui tanaman buah berkenaan mempunyai potensi besar dan perlu dimanfaatkan oleh para petani untuk menambah pendapatan sampingan seperiunya.

"Potensi pendapatan daripada harumanis ini lumayan berbanding sawah





Varia

Oleh
**DR. IZHARUDDIN
SHAH
KAMARUDDIN**

Memancing bantu kos sara hidup rakyat

AKTIVITI memancing semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia sejak beberapa dekad yang lalu.

Ramai yang skeptikal dan 'sinis' tentang aktiviti memancing, bahawa memancing adalah aktiviti membazir wang ringgit dan masa.

Ini kerana, alatan memancing yang dilaburkan semuanya mahal, malah terpaksa menunggu berjam-jam untuk menangkap ikan.

Namun, sedarkah para pembaca bahawa aktiviti memancing boleh membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar?

Ikan yang ditangkap boleh dijadikan lauk untuk makan malam. Malah, sekiranya mendapat ikan yang banyak, ia boleh dijadikan lauk untuk sepanjang minggu.

Ada juga yang memproses ikan, seperti membuat pekasam lalu menjualnya. Wang yang diperoleh sedikit sebanyak membantu perbelanjaan dapur.

Ikan yang dipancing membekalkan sumber protein seisi keluarga. Ikan yang dipancing juga merupakan 'ikan percuma' yang diperoleh dari perairan umum seperti tasik, bekas lombong, sungai, muara, persisiran pantai, kawasan bendang serta tali air.

Sementara itu, bagi ikan yang ditangkap di 'kolam pancing berbayar', ia boleh dianggap sebagai berbaloi. Ini kerana, 'nilai ikan' yang diperoleh melebihi 'nilai bayaran masuk' kolam pancing tersebut.

Begitu juga bagi pemancing yang memburu 'hadiah lumayan' dalam pertandingan memancing. Mereka berpeluang untuk membawa pulang kereta, motosikal, televisyen serta barangan lain.

Banyak kajian di negara maju mendapati bahawa jumlah pendapatan seseorang mempengaruhi tahap pengambilan ikan yang dipancing



PENANGKAPAN ikan bagalmanapun perlu dilakukan secara beretika. — GAMBAR HIASAN

terutamanya sebagai makanan (lihat *Burger & Campbell*, 2008).

Oleh itu, aktiviti memancing dikatakan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, terutamanya dalam situasi ekonomi mencabar.

Memancing sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan masyarakat bandar, terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan B40 dan M40.

Aktiviti memancing perlu digalakkan dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda negara.

Ia perlu digalakkan dengan 'teknik' serta 'etika' yang betul semasa memancing (lihat *Wightman & Rakan*, 2008).

Kes tular (viral) yang berlaku kebelakangan ini membuka mata banyak pihak. Kes mengebom ikan dan menuba ikan (meracun ikan) untuk mendapatkan ikan yang banyak, merupakan teknik yang 'tidak boleh diterima' dalam dunia memancing. Ia juga merupakan kesalahan dari segi undang-undang.

Mengebom dan menuba bukan sahaja membunuh pelbagai 'saiz ikan' dalam 'jumlah' yang banyak (en masse), malah boleh mengakibatkan kepupusan ikan di perairan negara.

Berbeza dengan aktiviti memancing pemancing hanya membawa pulang ikan yang perlu sahaja. Selebihnya mereka akan

'tangkap-dan-lepas' (catch-and-release).

Jangan bimbang, kajian mendapati bahawa ikan yang dilepaskan semula dengan teknik yang betul akan pulih seperti sedia kala (lihat *Cooke & Schramm*, 2007).

Selain itu, pemancing juga membawa pulang ikan daripada 'saiz tertentu' sahaja untuk dijadikan hidangan (tidak terlalu kecil, tidak terlalu besar).

Malah, pemancing juga akan membawa balik 'jumlah ikan' yang mencukupi sahaja untuk diberi kepada rakan serta jiran (tidaklah terlalu banyak).

Aktiviti memancing dengan teknik dan etika yang betul perlu dititik berat oleh masyarakat secara keseluruhannya. Ini terutama bagi jabatan yang mengurus sumber perikanan, sistem pendidikan, serta pemengaruh memancing (*fishing influencer*).

Setiap perkataan dan tindakan mereka sangat kritikal dalam membentuk golongan pemancing yang positif.

Sumber ikan juga perlu diurus dengan baik. Sumber ikan juga perlu dipastikan cukup di perairan awam oleh jabatan yang mengurus.

Ini kerana, sumber ikan merupakan sumber umum (common resource) yang perlu dikongsi oleh pelbagai pihak termasuk nelayan, masyarakat setempat serta pemancing.

Aktiviti 'pelepasan benih ikan' adalah usaha terpuji yang banyak dilakukan oleh jabatan yang mengurus sumber perikanan.

Benih ikan yang dilepaskan merupakan ikan tempatan dan bukannya ikan pendatang. Benih yang dilepaskan juga mesti mencapai saiz tertentu agar ia dapat membesar, sebelum boleh ditangkap oleh pemancing di kemudian hari (*put-grow-and-take*).

Perkara lain yang perlu diurus termasuklah memelihara 'habitat ikan' serta mengawal pencemaran air.

Ini perlu dilakukan oleh pelbagai agensi, termasuklah pihak berkuasa setempat dan jabatan yang mengurus sumber air.

Habitat yang sesuai dapat membantu perkembangan populasi ikan serta menyediakan 'stok ikan' yang mencukupi.

Kesemua ini kedengaran mudah untuk dilaksanakan, akan tetapi memerlukan usaha serius dari pelbagai pihak, termasuklah jabatan yang mengurus sumber perikanan, agensi tempatan, serta pemancing yang mengamalkan teknik dan etika yang betul ketika memancing.

Sumber ikan yang mencukupi, sudah pasti dapat membantu meringankan kos sara hidup pemancing dan rakyat, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar.

DR. IZHARUDDIN SHAH KAMARUDDIN merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia



SERING dianggap hobi yang membazir masa dan wang ringgit, masyarakat perlu mengubah persepsi tentang memancing dalam situasi ekonomi mencabar ini. — GAMBAR HIASAN